

PERPUSTAKAAN

[**MENARIK DALAM ISU INI**
Januari - Mac 2016]

- Knowledge Culture Programmes
- Open Access Initiatives

- Turnitin
- Friends of UTM Library
- Library Activities

PERANAN PERPUSTAKAAN UTM DALAM PENGURUSAN PENERBITAN BERILMIAH BERI IMPAK BERKESAN KEPADA UNIVERSITI


Penglibatan Perpustakaan UTM dengan kerjasama pustakawan profesionalnya dalam Pengurusan Data Penerbitan memainkan peranan penting dalam menjana serta mengekalkan status UTM sebagai sebuah Universiti Penyelidikan di rantau ini. Pengemaskinian data, pemahaman mengenai data penerbitan serta isu-isu mengenai penerbitan berilmiah yang berimpak tinggi sangat dititikberatkan bagi memastikan kesinambungan pemarkahan penerbitan universiti memberikan impak kepada audit yang dijalankan.

Sistem maklumat RADIS yang dibangunkan oleh pihak Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) dan proses pelaksanaan pengumpulan, semakan serta pengesahan oleh perpustakaan sangat membantu dalam melicinkan pengumpulan data penerbitan yang dihasilkan oleh staf akademik UTM sepanjang tahun. Dr.

Kamariah, selaku Ketua Pustakawan Perpustakaan UTM melihat perkara ini sebagai sesuatu yang sangat positif. Pelaksanaan proses kerja dalam membuat pengesahan maklumat dan data penerbitan mampu disusun serta dibuat pengesahan oleh pihak perpustakaan dengan lebih pantas. Ketepatan data juga dapat dipertingkatkan dan proses ini juga mempercepatkan proses Penilaian Prestasi Tahunan (eLPPT) iaitu pemarkahan staf akademik dengan lebih sempurna. Usaha perpustakaan ini

juga dilihat membantu untuk semakan penerbitan bagi permohonan kenaikan pangkat staf yang mampu dilaksanakan dengan lebih cekap dan efisien.

Bagi tahun 2016, Perpustakaan turut terlibat dalam pengesahan penerbitan bagi eLPPT yang telah dilaksanakan bermula pada Disember 2015. Ini bagi mengelakkan kesesakan pada hujung tahun dan juga lambakan permohonan yang tertangguh menjadi semakin banyak. Pengesahan aktif bagi semakan eLPPT




(619) dan juga permohonan yang salah kategori, permohonan duplikasi dan tidak sesuai sebagai penerbitan berilmiah (Not verified) sebanyak 13% iaitu kira-kira 970 penerbitan.

Dari keseluruhan penerbitan, sebanyak 77% (5708) telah berjaya disahkan sebagai sah (Verified) oleh pihak perpustakaan. Masalah bagi permohonan yang tertangguh (pending) hanya sebanyak 80 (1%) permohonan iaitu yang tidak dapat diselesaikan oleh kerana menunggu pemohon menghantar semula penambahbaikan yang perlu dibuat pembetulan. Ekoran itu, perkara ini telah

dilihat semula dan dimaklumkan kepada pemohon untuk tindakan segera oleh mereka.

Sehubungan dengan proses audit pelaksanaan Universiti Penyelidikan, Perpustakaan UTM memainkan peranan penting dalam menangani setiap keperluan bagi seksyen C iaitu semakan yang melibatkan penerbitan universiti secara keseluruhannya dalam tempoh sepanjang tahun. Pemahaman dalam pengurusan data berilmiah seperti sitasi, faktor impak, quartile, deskripsi fizikal penerbitan serta insentif penerbitan menjadikan perpustakaan sebagai sebuah institusi yang sentiasa kekal relevan dalam menangani keperluan Universiti.

Penglibatan dan pemahaman semua staf perpustakaan dalam menangani isu penerbitan ini juga adalah sangat penting dalam melaksanakan hala tuju universiti serta mengekalkan momentum menjadi sebuah universiti yang bertaraf dunia.



adalah pada 1 hingga 14 Januari 2016 disertai oleh seramai 50 orang staf perpustakaan untuk tindakan semakan dan pengesahan. Ia terdiri dari empat (4) fasa semakan dan pengesahan bagi keseluruhan data penerbitan yang dimasukkan ke dalam sistem RADIS. Keseluruhan jumlah penerbitan 2015 yang telah dilihat dan diproses adalah sebanyak 7,377 permohonan bagi keseluruhan kategori. Ini termasuklah permohonan pengesahan yang perlu diperbaiki dan dilengkapkan (amendment) sebanyak 9%



TINTA EDITOR

اللَّهُمَّ اكْفُنْ عَلَيْهِ وَرَبِّكَ شَيْئاً

Salam Sejahtera.

Bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurniaNya memberi kesempatan kepada sidang editorial Buletin Perpustakaan UTM merealisasikan penerbitan ini. Sesungguhnya untuk mengekalkan penerbitan berkala seperti ini merupakan satu cabaran besar. Tanpa sokongan daripada semua pihak amatlah sukar untuk melaksanakan tugas dengan sempurna. Ucapan sekalung penghargaan dan terima kasih kepada sidang editorial di atas segala usaha untuk menerbitkan Buletin Perpustakaan UTM ini.

Perpustakaan UTM adalah satu tempat di mana pengguna dapat meneroka ilmu dengan pelbagai sumber dan bahan seperti cetakan dan format elektronik bagi memudahkan pengguna mengakses maklumat, informasi dan ilmu. Justeru, peranan pustakawan Perpustakaan UTM adalah penting bagi membantu pengguna mendapatkan maklumat dan informasi yang tepat, relevan dan dipercayai kesahihan maklumat tersebut.

Dalam isu kali ini juga, kami memaparkan pelbagai informasi terkini, aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan oleh Perpustakaan UTM dan program-program yang berlangsung sepanjang bulan Januari hingga Mac 2016. Di samping itu, buletin kali ini memaparkan beberapa maklumat terkini atau sebarang perubahan perkhidmatan kepada pengguna bagi memudahkan segala urusan anda. Jadi kami berharap pengguna dapat mengambil peluang dan menggunakan informasi serta maklumat yang telah disediakan. Akhir kata, semoga anda menjadikan buletin ini satu sumber mendapatkan maklumat mengenai Perpustakaan UTM.



EDITORIAL TEAM

Patron: Dr. Kamariah binti Nor Mohd Desa

Editor-In-Chief: Noraziah binti Sharuddin

Editor: Salina binti Shamshuri

Editorial Team: Junaidah binti Isnain; Zaleha binti Atan Nor Hafiza binti Daud Kaiyin; Nuraisah binti Hasan (Practical Trainee); Syahranah binti A.Raqi; Nik Masriza binti Zakaria; Sharifah Radhiah binti Syed Azman

Circulation: Sapuan bin Jamjuri; Faridah binti Patoni

Photography: Wan Jamal bin Mohd Ariff

Buletin Perpustakaan is published quarterly by UTM Library. Copyright@ UTM Library, 2016

Please let us know your views! Telephone: +607-5530023

Email: salinasham@utm.my Web: library.utm.my

ICT BANTU TINGKAT KOLEKSI GALERIUM UTM



Satu kerugian besar jika aset Universiti berusia puluhan tahun yang menyimpan nilai sejarah tersendiri dilupus dan dibiar mereput begitu sahaja. Ia mungkin tidak bermanfaat untuk kita pada masa sekarang tetapi tinggi nilainya sebagai bahan penyelidikan dan rujukan untuk generasi akan datang. Ini sejajar dengan peranan Unit Galerium UTM yang bertanggungjawab mendapatkan aset Universiti yang telah dilupus tetapi mempunyai nilai yang tinggi sebagai koleksi galerium. Ini merupakan usaha berterusan bagi menjaga khazanah dan warisan Universiti.

Bukan sekadar mengenalpasti peralatan ‘mainframe’ yang sesuai dijadikan sebagai koleksi galerium malah latarbelakang penggunaannya turut dicatat sebagai rekod artifak yang bersejarah kepada Universiti. Empat unit peralatan ‘mainframe’ yang akan disumbangkan oleh pihak CICT ialah sistem penyimpanan data, sistem ‘backup’ data dan mesin pencetak bakal menjadi koleksi galerium yang mencerminkan sejarah penggunaan teknologi maklumat Universiti.

Unit Galerium telah melakukan tinjauan ke Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (CICT) pada 14 Mac 2016 bagi melihat peralatan ‘mainframe’ yang digunakan oleh Universiti dalam era tahun 1980 an dan 1990 an. Timbalan Pengarahnya, Tuan Haji Samsudin bin Nyat berkongsi maklumat mengenai peralatan berkaitan semasa lawatan dibuat.



Radio lama yang sudah uzur, keluaran 1950 an, digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran pada era Maktab Teknik.

Video kamera jenama National yang dibeli pada tahun 1986 digunakan oleh Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia (FPPSM) sebagai salah satu alat bantuan mengajar pada tahun 1980 an dan 1990 an.

FRIENDS OF UTM LIBRARY

Friends of the UTM Library provides exciting professional and social opportunities for UTM students who are interested in supporting the library in this rapidly changing environment. It also aims to foster closer relationship between the library and its customers.

Requirements

- Membership is open to all current UTM students.
- Have a passion and strong interest in performing voluntary work.
- Posses a positive mindset and able to contribute ideas in promoting, improving library services and reading culture to the society.

Benefits

- Some benefits of being Friends of the UTM Library include:



How to become Friends of the Library

Membership is free.

Visits <http://library.utm.my/using-the-library-2/friends-of-the-utm-library> for further information.

UTM SPECIAL COLLECTION

- Consist of works pertaining to UTM by academic staffs, student, departments or faculties.
- Original copy is kept at the Special Collection Room at Perpustakaan Raja Zarith Sofiah (PRZS) as part of UTM archived or special collection.

Special Collection Materials

- Postgraduate thesis (Master and PhD)
- Bachelor's thesis (categories A and above)
- UTM Examination papers
- Newspaper articles about UTM
- Research monograph
- Book
- Book chapter
- RU material:
 - Journal article
 - Paper index
 - Non-index paper
- Seminar papers / proceedings
- Journals
- Prospectus

For further information, please visit library.utm.my



OPTION FOR OPEN ACCESS INITIATIVES ?

<http://pqdtopen.proquest.com>

PQDT Open provides the full text of open access dissertations and theses free of charge. The authors of these dissertations and theses have opted to publish as open access. Open Access Publishing is a new service offered by ProQuest's UMI Dissertation Publishing, and we expect to have many more open access dissertations and theses over time.

PQDT OPEN

With PQDT Open, you can read the full text of open access dissertations and theses free of charge.
[About PQDT Open](#)

Find Open Access Dissertations and Theses [Search This Site](#) [Search This Site](#)

Date range received from: All year

New Search Criteria

Copyright © 2010 ProQuest LLC. All rights reserved. Terms and Conditions



NDLTD

Global ETD Search

Search the NDLTD electronic theses and dissertations contained in the NDLTD collections.

Type something to start searching...



[Advanced search tips](#)

Open Access
Theses and Dissertations

Metadata records extracted from Theses and Dissertations held in NDLTD collections.

Supporting documents from NDLTD include: Metadata, Abstracts, Full-texts, Subject headings, and more.

Recent additions

All of NDLTD's new additions

View recent additions

About OATD.org

OATD.org is a free, open access graduate theses and dissertations database.

Indexing 11,250 theses and dissertations from 1,100 institutions.

<http://search.ndltd.org/index.php>

Networked Digital Library of Theses and Dissertations. NDLTD provides information and a search engine for electronic theses and dissertations (ETDs), whether they are open access or not.

<https://oatd.org/>

OATD.org aims to be the best possible resource for finding open access graduate theses and dissertations published around the world. Metadata (information about the theses) comes from over 1100 colleges, universities, and research institutions. OATD currently indexes 3,080,752 theses and dissertations.



PENERAPAN PRINSIP ANDRAGOGI KEPADA PUSTAKAWAN UTM ASAHLAH KEMAHIRAN PENGAJARAN

Kursus Andragogy kepada pustakawan Perpustakaan UTM telah diadakan sebanyak 2 fasa iaitu pada 10 dan 17 Februari 2016 bertempat di Bilik Seminar 3, Perpustakaan Sultanah Zanariah, UTM Johor Bahru.

Objektif kursus ini adalah untuk meningkatkan kompetensi pustakawan dalam proses pengajaran dan pembelajaran sepanjang mengendalikan kelas dan bengkel kemahiran perpustakaan sekaligus meningkatkan profesional mereka dalam mengendalikannya.

Antara modul yang diajar sepanjang kursus ini ialah prinsip dan aplikasi andragogi melalui teori Knowles, panduan aplikasi dan halangan serta penilaian.

Perpustakaan UTM mengucapkan terima kasih kepada Dr. Rohaya binti Talib dan Puan Adibah binti Abdul Latif dari Fakulti Pendidikan kerana sudi memberi tunjukajar yang bermanfaat dan memberi impak tinggi dalam melahirkan pustakawan yang kompeten dan berjiwa pendidik sekaligus membantu melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran di UTM.



"Andragogy is simply another model of assumptions about adult learners to be used alongside the pedagogical model of assumptions"

~ MALCOM KNOWLES
Professor of Adult Education @ Boston University


TECHNOLOGY TO IMPROVE WRITING




Turnitin is the global leader in evaluating and improving student writing. The company's cloud-based service for originality checking, online grading and peer review saves instructors time and provides rich feedback to students. One of the most widely distributed educational applications in the world, Turnitin is used by more than 10,000 institutions in 126 countries to manage the submission, tracking and evaluation of student papers online.

For security purposes, we require that all UTM instructors and students to set their Turnitin account e-mail addresses to their official UTM Email (example: staff – abc123@utm.my OR student – xyz789@live.utm.my). Not doing so could result in disruption of service.


If you previously registered using external e-mail accounts (gmail.com, yahoo.com, hotmail.com etc), follow this instruction to update your email address to official UTM E-mail.



1. Log in your account



2. Modify necessary information



3. Click the "SUBMIT" button

PERPUSTAKAAN UTM DAN KOMUNITI

KETUA PUSTAKAWAN UTM RASMI KARNIVAL BAHASA DAN PROGRAM NILAM SEKOLAH MENENGAH TAMAN DAYA, PASIR GUDANG, JOHOR



Perpustakaan UTM menyokong aktiviti memupuk budaya ilmu dalam kalangan masyarakat terutama di negeri Johor. Ini adalah sebahagian tanggungjawab sosial yang dimainkan oleh perpustakaan dalam membangunkan masyarakat yang sentiasa menjadikan amalan membaca sebagai sebahagian dari gaya hidup.

Pada 3 April 2016 yang lalu, Ketua Pustakawan UTM, Dr. Hajah Kamariah Binti Nor Mohd Desa telah diberi penghormatan melancarkan Karnival Bahasa dan Program NILAM yang dianjurkan oleh Sekolah Menengah Taman Daya, Pasir Gudang, Johor. Ketibaan beliau telah diraikan oleh Pengetua Sekolah Puan Rosita Binti Manas, Penolong Kanan, guru-guru serta pelajar sekolah. Dalam ucapan perasmianya, beliau telah menekankan betapa pentingnya generasi muda terutama pelajar sekolah menanam minat membaca untuk menjadi generasi negara yang berilmu pengetahuan tinggi. Beliau juga mengingatkan pelajar untuk tidak terlalu leka dengan maklumat dari aplikasi media sosial tetapi sebaliknya perlu bijak menggunakan Perpustakaan untuk mendapat bahan rujukan yang berguna.

Ketua Pustakawan juga sempat mempromosi UTM sebagai sebuah pusat pengajian tinggi yang berprestij dan menyarankan pelajar untuk menjadikan UTM sebagai pilihan destinasi bagi mereka untuk melanjutkan pelajaran.

SUMBANGAN BUKU - TERIMA KASIH PROF. DR. NOR AINI

Perpustakaan UTM mengucapkan terima kasih kepada Prof. Dr. Nor Aini binti Abdul Rashid, pensyarah Fakulti Biosains dan Kejuruteraan Perubatan (FBME) kerana berbesar hati menyumbang sejumlah buku kepada Perpustakaan UTM bagi koleksi di Pusat Sumber FBME.

Buku-buku ini sesungguhnya diharap dapat dimanfaatkan oleh semua pengguna dan menambah koleksi buku di pusat sumber berkenaan serta digunakan sebagai sumber rujukan utama.

Perpustakaan Fakulti atau pusat sumber di fakulti seluruh UTM merupakan salah satu gedung ilmu yang menyediakan kemudahan dan perkhidmatan maklumat serta prasarana yang boleh diakses kepada semua pelajar UTM dalam persekitaran pembelajaran mereka.

Justeru, dengan usaha murni sebegini, Perpustakaan UTM berharap akan menerima lebih banyak lagi sumbangan bahan-bahan bacaan pada masa akan datang.



Kehadiran Ketua Pustakawan yang mewakili UTM telah memberi sokongan moral kepada warga sekolah dalam usaha meningkatkan dan membentuk generasi muda yang cintakan ilmu dan suka membaca.



PERPUSTAKAAN UTM SUMBANG BUKU UNTUK PEMBANGUNAN PUSAT SUMBER SEKOLAH KEBANGSAAN PUNAN, KAHANG (KAMPUNG ORANG ASLI PUNAN)

Atas inisiatif dan keprihatinan Perpustakaan UTM dan Persatuan Pustakawan Malaysia (Kumpulan Selatan) melalui tanggungjawab sosial korporat (Corporate Social



Responsibility) telah berjaya mengumpul bahan-bahan bacaan untuk disumbangkan kepada pembangunan Pusat Sumber Sekolah Kebangsaan Punan, Kluang, Johor.

Majlis penyerahan sumbangan bahan-bahan bacaan tersebut telah dilakukan oleh Puan Nor Asikin Binti Mohamad, Timbalan Ketua Pustakawan (Perpustakaan Raja Zarith Sofiah) yang menyampaikannya kepada guru penyelaras program iaitu Encik Ismail bin Yon.

Perpustakaan UTM berharap program sebegini akan mendapat sambutan pada masa akan datang. Adalah diharapkan dengan adanya sumbangan bahan-bahan bacaan ini akan dapat membantu pusat sumber sekolah berkenaan dalam memantapkan koleksinya dan pusat sumber menjadi tempat tumpuan bagi menelaah dan menambah pengetahuan kepada murid-murid di sekolah berkenaan.

UTM LIBRARY KNOWLEDGE CULTURE PROGRAMMES

ULASAN BUKU SEMPENA MAJLIS PELANCARAN TABUNG DANA “BECAUSE WE CARE CHANCELLOR’S FUND”

Pada 16 Mac 2016 yang lalu, dua orang mahasiswa UTM dari Fakulti Komputeran iaitu Aina Yasmin binti Zulhaimi dan Nurmiza Nabilah Binti Bushran telah membuat persembahan ulasan buku bertajuk “Random Kindness and Senseless Act of Beauty”. Sesi ulasan buku ini merupakan latihan sebelum persembahan sebenar di Majlis Pelancaran Tabung Dana “Because We Care Chancellor’s Fund” di Hotel Double Tree Hilton, Johor Bahru pada 17 Mac 2016 yang dirasmikan oleh D.Y.M.M Raja Zarith Sofiah Binti Almarhum Sultan Idris Shah, Permaisuri Johor.



Sumber foto: Metro



YBhg. Tan Sri Dato' Mohd Ramli bin Kushairi, UTM Board of Directors was the invited speaker to give insights about the topic of 'Our Turning Point: Entrepreneurial University'. He said that UTM must be an entrepreneurial university in order to create its own revenue. He also highlighted that in the context of university, one has to share the profit or income they earned from research with the university as both are playing roles of supporting each other. It was a great session indeed as the audience also take this opportunity to gain knowledge from the broad experience of YBhg. Tan Sri Ramli during the Q&A session. Also present YBhg. Prof. Datuk Ir. Dr. Wahid B. Omar, Vice-Chancellor of UTM, YBhg. Prof. Dr. Durrishah bt. Idrus, Campus Director of UTMKL who also the moderator of the event, Dr. Kamariah Binti Nor Mohd. Desa, UTM Chief Librarian, academicians, staffs and students. YBhg. Tan Sri ended his session by reminding all of us to stay focus, be disciplined and always remember that there is no shortcut in wealth. It was a successful event and hoping it will create awareness among UTM community as this is part of Lifestyle@UTMKL.

A CONCEPTUAL BUSINESS MODEL FOR MOOCS SUSTAINABILITY IN HIGHER EDUCATION

Pada 27 Mac 2016 telah diadakan Bicara Karya dengan tajuk yang sangat menarik iaitu “A Conceptual Business Model For MOOCs Sustainability in Higher Education” yang telah disampaikan dengan jayanya oleh Professor Dr. Rose Alinda Binti Idris (TNCCA). Program ini berlangsung di Dewan Senat, Bangunan Canselor Sultan Ibrahim, Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru pada pukul 2 petang hingga 5 petang.

Bicara Karya pada kali ini mendapat sambutan yang sangat menggalakkan daripada semua warga UTM sendiri. Diakhir program tersebut Ketua Pustakawan Perpustakaan UTM, Dr. Kamariah Nor Mohd. Desa menyampaikan cenderamata kepada Professor Dr. Rose Alinda Binti Alias (TNCCA).

Inisiatif MOOCS yang telah diperkenalkan ini bertujuan memastikan pembelajaran dalam talian dilaksanakan di institusi pengajaran tinggi awam (IPTA) selain mengurangkan masa kuliah. MOOCs juga merupakan kaedah pembelajaran dan pengajaran yang berkesan bagi bagi pelajar untuk mengakses mata pelajaran di mana-mana sahaja dan pada masa yang selesa. Matlamat utama pelaksanaan MOOCs ialah mentransformasikan kaedah dan strategi pembelajaran dan pengajaran di IPTA Malaysia melalui teknologi terkini berasaskan Internet.



Sambungan dari muka surat 8...



Poster berkaitan Majlis Konvokesyen Universiti malah beberapa artifik seperti pakaian rasmi majlis dan dokumen bersejarah turut dipamer untuk pengetahuan pengunjung.

Maklumat mengenai artifik diperincikan agar nilai sejarahnya dapat diabadikan sebagai sebahagian kegemilangan UTM. Pengunjung dibawa menghayati elemen-elemen majlis yang berprestij ini dan wajar dikongsi bersama bagi memberi kenangan bermakna kepada para graduan UTM dan masyarakat umum.

Kehebatan pameran ini wajar diukur dengan nilai estetika yang dimiliki oleh setiap artifik yang ditonjolkan kerana ia merupakan aset universiti yang jarang diketahui umum dan inilah masanya untuk kita sama-sama menyelusuri usaha generasi Universiti terdahulu dalam memartabatkan dunia akademik sekaligus mencetus inspirasi kepada generasi muda agar terus melestarikan tradisi keilmuan sedia ada.

Kunjungan anda sentiasa dihargai dan semoga perkongsian maklumat melalui pameran ini mencetus dimensi yang lebih luas dalam memartabatkan ilmu untuk kecemerlangan sejagat.






BENGKEL LATIHAN PANGKALAN DATA ANJURAN AKEPT

Pusat Sitisasi Malaysia (PSM), Jabatan Pendidikan Tinggi dengan kerjasama Syarikat Innowave Sdn. Bhd telah menganjurkan satu Bengkel Latihan Pangkalan Data bertempat di Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) selama dua hari bermula pada 24 dan 25 Mac 2016. Bengkel yang dihadiri oleh wakil Pustakawan seramai 40 orang daripada semua perpustakaan Universiti Awam di Malaysia melibatkan Pangkalan Data Scopus, SciVal, Web of Science, InCites, EBSCOhost, ProQuest dan Ebook Scientific Publishing.

Pihak Perpustakaan UTM diwakili oleh Puan Nik Masriza binti Zakaria, Timbalan Ketua Pustakawan (Kuala Lumpur) dan Puan Noor Ayesha binti Mohd Ezanee, Pustakawan Unit Runding Maklumat, Perpustakaan UTMKL. Bengkel ini telah membantu para pustakawan untuk meningkatkan lagi tahap ilmu dan pengetahuan berkenaan pangkalan data dan pelbagai tips telah diberikan dan dikongsi untuk mendapatkan maklumat dengan cepat dan tepat bagi menggunakan pangkalan data tersebut.

LIBATSAMA TKP KL ULAS BUKU NAIB CANSELOR



Pada 3 Mac 2016 bertempat di UTM Kuala Lumpur, Persatuan Pegawai Tadbir dan Ikhtisas (PERTIAS) telah menganjurkan Program Bicara Tadbir bagi mengupas buku Naib Canselor, Prof. Dato' Ir. Wahid Bin Omar yang bertajuk "Kelestarian Pendidikan Tinggi ke Arah Penghasilan Berimpak". Seramai enam orang staf Pengurusan dan Profesional (PPP) dipilih untuk mengulas

setiap bab dan Timbalan Ketua Pustakawan, Kuala Lumpur (TKP KL), Puan Nik Masriza Binti Zakaria telah mengupas bab 3 yang memberi fokus kepada UTM "Game Changer" atau pemacu perubahan universiti. Beliau telah berkongsi enam pemacu perubahan universiti dan peranan staf PPP yang akan menyumbang kepada perubahan tersebut. Staf perlu lebih bersedia dan melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran bagi mencapai hasil yang berimpak kepada universiti. Semoga program sebegini menjadi medan bermanfaat untuk perkongsian ilmu.

AUDIT ANUGERAH KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (AKKP) 2015



Penilaian audit bagi Anugerah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (AKKP) 2015 untuk Bangunan Perpustakaan Sultanah Zanariah, UTM Kuala Lumpur (UTMKL) telah dijalankan pada 2 Mac 2016. Panel audit tersebut terdiri daripada Dr. Yahya Bin Mohamad Yatim; Timbalan Pengarah Unit OSHE UTM Johor Bahru, En. Ab Hanan bin Md Basri, En. Mohd Hanif bin Amir, Pn. Nur Farhana binti Asmuni, dan En. Mohd Zaidi bin Basir. Sementara itu, audit di bangunan Perpustakaan Raja Zarith Sofiah (PRZS) pula telah diadakan pada 15 Mac 2016.

UTM LIBRARY SERVICE SYSTEM (LSS) TRAINING



On 9-10 March 2016, LSS training was conducted at Information Searching Lab, UTM Kuala Lumpur Library. The training was conducted by Mr. Amin Bin Adha from FORMIS along with his two other colleagues. Mr Fahiezan Bin Mohd Zain from Automation Division, Johor Bahru also was there as the moderator.

The training basically introduced library new system that will be implemented soon to all staff. The objective of the new system is to integrate all the library classes and schedule information for ease of use.

LIBRARY ACTIVITIES

JANUARY—MARCH 2016

Pada 9 Mac 2016, Fenomena Gerhana Matahari telah berlaku di beberapa tempat. Gambar menunjukkan program Cerapan Gerhana Matahari yang dianjurkan oleh Fakulti Geoinformasi dan Harta Tanah UTM. Naib Canselor UTM juga bersama-sama staf tidak ketinggalan mengikuti program berkennaan.



1



2



3



4



5



6



7



1. Audit bagi Anugerah Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 2015 (AKKP 2015) di Perpustakaan Raja Zarith Sofiah pada 15 Mac 2016
2. Kuliah Agama Bacaan Ratib Al Attas Dan Asmaullah Al Husna pada 13 Januari 2016
3. Kursus Andragogi Pustakawan UTM pada 10 & 17 Februari 2016
4. Persembahan Perpustakaan UTM untuk Anugerah Kualiti Perkhidmatan (AKP) UTM pada 21 Mac 2016
5. Program Roadshow Perpustakaan Raja Zarith Sofiah di Fakulti Pengurusan pada 10 Mac 2016
6. Tinjauan & Semakan Peralatan Komputer di CICT untuk koleksi Galerium pada 14 Mac 2016
7. Persiapan dokumentasi penyertaan dalam Anugerah Kualiti Perkhidmatan (AKP) 2016 pada 14 Februari 2016

LIBRARY EXHIBITIONS

PAMERAN ‘MEMARTABAT ILMU, MELESTARI KECEMERLANGAN’



Unit Galerium UTM diberi kepercayaan sepenuhnya untuk mengadakan pameran bertemakan ‘Memartabat Ilmu, Melestari Kecemerlangan’ di ruang legar Perpustakaan Sultanah Zanariah, UTM Johor Bahru bersempena lawatan juri bagi Anugerah Kualiti Perkhidmatan 2015 pada 30 Mac 2016.

Antara poster yang dipamerkan adalah poster latarbelakang Canselor, Amanat Naib Canselor ketika Majlis Konvokesyen dan beberapa poster lain berkaitan Majlis Konvokesyen Universiti sudah cukup menggambarkan keunikan dan nilai estetika yang cuba ditonjolkan.

Pameran singkat bermula 28 Mac sehingga 3 April 2016 turut menjemput kunjungan semua pengunjung perpustakaan ke ruang artifak di Galerium UTM yang berada di aras 2. Beberapa artifak yang jarang sekali diketahui umum dipamer bersama maklumatnya agar pengetahuan berkaitan warisan Universiti dapat dikongsi bersama.

Pameran ini kemudiannya dilanjutkan di ruang legar, Bangunan Canseleri Sultan Ibrahim bersempena Majlis Konvokesyen UTM ke-56 yang berlangsung pada 22 hingga 25 April 2016.

Baca selanjutnya di muka surat 7.



“THE ROLE OF ACADEMIC LIBRARIES IS CHANGING TO PROVIDE THE COMPETITIVE ADVANTAGE FOR THE PARENT UNIVERSITY -A FACTOR THAT IS CRUCIAL TO BOTH STAFF AND STUDENTS”
(Fox et al. 2001)

PAMERAN ‘TERAJU UTM TERDAHULU’



Mengimbau jasa dan sumbangan generasi kepimpinan Universiti seawal penubuhannya dalam era tahun 1970an sehingga kini merupakan jaluran masa yang sangat panjang untuk diungkap pahit manisnya satu persatu. Tidak dinafikan kepimpinan terdahulu merupakan tokoh-tokoh hebat mengikut acuan masing-masing.

Pameran ‘Teraju UTM Terdahulu’ menonjolkan insan-insan cemerlang yang diamanahkan untuk memimpin Universiti merentangi zaman yang berbeza. Pameran bertempat di ruang bacaan terbuka, aras 1, Perpustakaan Raja Zarith Sofiah (PRZS) bermula pada 3 April 2016 sekaligus meraikan Kursus Pengurusan Risiko Implemtasi Mengikut Keperluan ISO 9001 : 2015 yang berlangsung pada 4-6 April 2016.

Ketinggian intelektual, karisma dan gaya kepimpinan sudah pasti berbeza di antara satu sama lain namun visi dan misi dalam menerajui Universiti tetap sama iaitu untuk menjadikan Universiti gemilang, terbilang dan cemerlang.

Pameran ‘Teraju UTM Terdahulu’ memperlihatkan transformasi kepimpinan Universiti sekaligus memberi ruang dan peluang kepada khalayak untuk mengenali Naib Canselor UTM yang pertama sehingga kelima sebagai tokoh yang wajar dicontohi.

THE IMPACT OF CLIMATE CHANGE



From 21st March until 17th April 2016, exhibition on The Impact of Climate Change was held at Level 2, UTM Library Kuala Lumpur. The exhibition was conducted to educate and raise awareness amongst the public about climate changes and its effect towards health.

LIBRARY ACADEMIC VISITS



Lawatan Pelajar Universitas Mahmudiyah, Jogjakarta
Indonesia 12 Jan 2016



JANUARY

Lawatan Pelajar University Of Woosuk,
Korea 18 Januari 2016



Lawatan Sekolah Menengah Islam Tahfiz, Pasir Gudang Ke
Perpustakaan UTM, 18 Februari 2016



FEBRUARY

Lawatan Edutorism UTM terdiri dari Pelajar Sek. Keb.
Jubli Intan, Renggam, Kluang Ke Galerium UTM
17 Februari 2016



Lawatan Jawatankuasa Ikhtisas Perpustakaan Universiti
Malaya Ke PRZS pada 6 Mac 2016



MARCH

Lawatan Dari Mahasiswa Universitas Bung Hatta,
Padang Indonesia Ke Perpustakaan UTM pada
9 Mac 2016



Lawatan Dari Universitas Maritim Raja Ali Haji (Umrah) Ke
PRZS pada 9 Mac 2016



Lawatan Pustaka Negeri Sarawak Ke PRZS pada
30 Mac 2016

PERPUSTAKAAN UTM TERUS MEMACU KECEMERLANGAN



Perpustakaan UTM telah mengadakan sesi Amanat Tahun Baharu 2016 oleh Ketua Pustakawan Perpustakaan UTM, Dr. Hajah Kamariah binti Nor Mohd Desa pada 20 Januari 2016 bertempat di Bilik Seminar 3, Perpustakaan Sultanah Zanariah, Johor Bahru. Amanat Tahun Baharu kali ini menyentuh mengenai pencapaian Perpustakaan UTM sepanjang tahun 2015 dan aktiviti yang dijalankan di samping program berimpak 2015. Ketua Pustakawan juga mengucapkan terima kasih kepada seluruh warga Perpustakaan UTM yang telah banyak memberikan sokongan dan kerjasama dalam memajukan dan membangunkan Perpustakaan UTM agar terus cemerlang.

Pada majlis yang sama, staf yang akan bersara pada tahun 2016

juga turut diraikan bagi mengenang segala jasa dan bakti mereka selama berkhidmat di Perpustakaan UTM.



Staf bersara bergambar bersama Ketua Pustakawan dan Pengurusan Perpustakaan



Bil.	Nama	Tarikh Bersara
1	Pn. Junaidah Bte Isnain	10.04.2016
2	En. Md Shah Bin Adis	8.06.2016
3	En. Baharuddin Bin Seman	27.06.2016
4	Pn. Rohana Bte Abd Rahim	01.09.2016

PROGRAM 'ATTACHMENT' PENDAFTAR, GREAT ZIMBABWE UNIVERSITY KE PERPUSTAKAAN UTM



Pendaftar Great Zimbabwe University, Ms. Sinikiwe Gwaridzo nee Tirivanhu telah menjalani program attachment di Universiti Teknologi Malaysia, UTM pada 18 Januari 2016 hingga 11 Februari 2016 dan Perpustakaan UTM adalah satu jabatan yang terlibat untuk program ini.

Beliau telah diberi penerangan mengenai kemudahan dan perkhidmatan Perpustakaan UTM oleh Pengurusan Perpustakaan serta bertukar-tukar pendapat mengenai berbagai aspek perpustakaan.

Semua staf telah dimaklumkan mengenai program attachment ini dan telah memberi kerjasama yang baik sewaktu beliau berada di Perpustakaan UTM.

Program attachment ini secara tidak langsung memperkenalkan Perpustakaan UTM di mata dunia dan memberi pendedahan kepada negara-negara luar agar dapat menjadikan Perpustakaan UTM sebagai destinasi kunjungan mereka, menimba ilmu pengetahuan dan pengalaman serta mengikuti perkembangan teknologi terkini serta kemudahan dan

perkhidmatan Perpustakaan UTM yang dapat dijadikan contoh dan penanda aras terbaik dalam operasi dan perkhidmatannya demi memenuhi kehendak pelanggan.

